

AirAsia bakal realisasikan teksi udara



Ilustrasi
teksi udara
AirAsia.

Kerjasama teroka pembangunan platform vertiport

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Capital A Bhd melalui cabang perniagaan penerbangannya, AirAsia Aviation Group Ltd bakal merealisasikan perkhidmatan teksi udara di Malaysia tidak lama lagi.

Langkah itu adalah selepas Skyports Infrastructure, pemaju infrastruktur mobiliti udara termaju (AMM) global menandatangani Surat Hasrat (LOL) dengan AirAsia Aviation bagi meneroka pembangunan infrastruktur untuk perkhidmatan teksi udara di negara ini.

Ketua Pegawai Keselamatan AirAsia Aviation Group Limited dan Ketua Mobiliti Udara Termaju, Kapten Ling Liong Tien, berkata kedua-dua pihak akan meneroka pembangunan platform vertiport untuk perkhidmatan teksi udara dan kerjasamanya itu mewakili satu lagi kejayaan dalam pembangunan industri mobiliti udara termaju di Malaysia. Beliau berkata, kerjasama ini

langkah penting dalam mewujudkan rangkaian platform vertiport yang beroperasi sepenuhnya di Malaysia.

“Apabila industri ini semakin matang, kerjasama antara pemain penerbangan tradisional dan pakar AMM adalah penting untuk membangunkan rangkaian platform vertiport yang praktikal dan bersepadu.

“Sebagai sebuah jenama terkemuka di peringkat global dalam industri penerbangan komersial, AirAsia juga terbabit secara aktif dalam operasi AAM di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

AirAsia Aviation sebelum ini mengumumkan pelan pembangunan mobiliti udara dengan memajak 100 pesawat Vertical Aerospace VX4 eVTOL dari Avolon, melancarkan program latihan dron serta melanjutkan

latihan dron kepada sektor berteknologi tinggi.

Guna kepakaran, pengalaman

Liong Tien berkata, dengan memanfaatkan kekuatan kedua pihak, kerjasama itu akan menggunakan kepakaran dan pengalaman penerbangan AirAsia serta pengetahuan dan rangkaian pasarnya.

Beliau berkata, Skyports Infrastructure pula akan menggunakan kepakaran portfolio globalnya untuk mereka bentuk dan membina infrastruktur platform perlepasan dan pendaratan untuk pesawat penumpang eVTOL.

Selain itu katanya, Skyports Infrastructure juga memainkan peranan penting dalam memajukan pembangunan kawal selia merentas pasaran, melalui kerjasama dengan badan kawal

selia tempatan dan organisasi berkaitan.

Penilaian awal akan mengutamakan Kuala Lumpur katanya, dan kerjasama selama satu tahun itu akan menumpukan pada kajian penyepaduan infrastruktur platform vertiport untuk perkhidmatan teksi udara, pengenalan tapak platform vertiport yang berpotensi, pembangunan keperluan dan rangka kerja operasi untuk melaksanakan rangkaian platform vertiport di Malaysia.

“Susulan pengumuman usaha kami untuk membangunkan perkhidmatan teksi udara di kawasan bandar pada awal tahun ini, kami telah berusaha untuk meneroka kemungkinan perkhidmatannya di Malaysia.

“Kerjasama dengan Skyports ini akan mempercepatkan kajian infrastruktur yang diperlukan termasuk platform pelepasan dan pendaratan vertikal di negara ini serta mengukuhkan potensi kami sebagai penyedia perkhidmatan perjalanan udara jarak dekat tanpa pelepasan di Asia Tenggara.

“AirAsia telah merevolusikan perjalanan udara komersial selama dua dekad yang lalu dan kumpulan percaya bekerjasama dengan Skyports ini akan memacu ke arah membentuk masa depan penerbangan tanpa pemandu di rantau ini,” katanya.

“Sebagai sebuah jenama terkemuka di peringkat global dalam industri penerbangan komersial, AirAsia juga terbabit secara aktif dalam operasi AAM di Malaysia”

Ling Liong Tien,
Ketua Pegawai Keselamatan AirAsia Aviation
Group Limited dan Ketua Mobiliti Udara Termaju

